

9 September 2009 (Rabu)

BEM digesa percepat umum akreditasi program kejuruteraan

KANGAR: Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) digesa mempercepatkan proses pengeluaran keputusan penilaian akreditasi bagi program kejuruteraan dianjurkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, bagi mengelak graduan jurusan terbabit menjadi mangsa keadaan. Saranan itu dibuat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berikutan nasib menimpa lebih 1,000 pelajar Universiti Malaysia Perlis (Unimap) yang dikatakan ber-depan risiko sukar menembusi pasaran kerja terutama dalam sektor awam, selepas kursus yang diambil masih belum diiktiraf BEM.

Beliau berkata, BEM perlu lebih telus dalam isu berkenaan dan berhenti melengah-lengahkan urusan pengeluaran hasil penilaian akreditasi, kerana ia menentukan nasib serta masa depan ribuan graduan yang juga anak bangsa kita. "Saya tidak faham kenapa BEM sengaja melewati-lewatkan pemberian maklum balas kepada permohonan Unimap, sedangkan kursus sama yang dijalankan universiti lain tidak berdepan masalah untuk mendapatkan kelulusan terbabit. "Jika benar Unimap tidak menepati piawaian ditetapkan, ia harus dimaklumkan supaya pihak universiti dapat mengambil tindakan untuk memperbaiki atau meningkatkan mutu bagi memenuhi kriteria diperlu-kan," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perjumpaan serta sesi dialog hampir tiga jam bersama barisan pengurusan dan ketua jabatan Unimap di Dewan 2020, di sini. Difahamkan, lebih 1,000 pelajar Unimap yang dimaksudkan terdiri daripada lapan program kejuruteraan yang kini masih menunggu kelulusan akreditasi daripada BEM selepas melalui penilaian semula oleh sekumpulan panel khas pada 6 dan 7 April lalu.

10 September 2009 (Khamis)

Penubuhan pasukan khas pusingan akhir selesai isu PKFZ

KUALA LUMPUR: Pasukan petugas bagi mengkaji aspek urus tadbir baik Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang ditubuhkan Kabinet semalam dianggap pusingan akhir dalam penyelesaian isu berkenaan. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata demikian pada majlis penyerahan sumbangan Bakti kepada keluarga miskin di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Mewah, di sini, pagi ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan Kabinet setuju menubuhkan sebuah pasukan petugas bagi mengkaji aspek urus tadbir yang baik dan masa depan PKFZ.

Beliau berkata, selain dua aspek berkenaan, perbincangan Kabinet mengenai isu berkenaan termasuk mengenai sama ada berlaku salah guna kuasa atau sebarang perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang. Katanya, bagi aspek salah guna kuasa, pihak polis akan menjalankan siasatan manakala Peguam Negara akan menentukan tindakannya kemudian.

10 September 2009 (Khamis)

Kabinet tubuh pasukan petugas urus PKFZ

PUTRAJAYA: Kabinet semalam menuahkan sebuah pasukan petugas bagi mengkaji aspek urus tadbir yang baik dan masa depan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Beliau berkata, selain dua aspek berkenaan, perbincangan Kabinet mengenai isu berkenaan semalam termasuk mengenai sama ada berlaku salah guna kuasa atau sebarang perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang. Katanya, bagi aspek salah guna kuasa, pihak polis akan menjalankan siasatan manakala Peguam Negara akan menentukan tindakannya kemudian.

"Untuk aspek kedua dan ketiga (tadbir urus yang baik dan masa depan PKFZ), Kabinet memutuskan supaya satu pasukan petugas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, pegawai Kementerian Pengangkutan, Peguam Negara dan profesional untuk membuat laporan kepada kerajaan dalam jangka waktu tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berbuka puasa bersama menteri di kediamannya di Sri Satria, di sini, malam tadi. Katanya, kabinet akan meneliti laporan pasukan petugas itu untuk menentukan tindakan selanjutnya. Beliau berkata, siasatan rapi dan sepenuhnya perlu dilakukan dan kebenaran serta kesahihan perlu menjadi keutamaan dalam isu PKFZ.

"Dalam aspek tadbir urus yang baik itu kita hendak tahu sejak mula isu apakah yang boleh disifatkan sebagai tidak selaras dengan prinsip itu. "Ketiga ialah apa yang kita hendak buat kepada projek ini, iaitu masa depan projek ini untuk dilaksanakan supaya kita dapat maksimumkan nilai yang baik bagi wang dan mengurangkan kos kepada rakyat atau pembayar cukai," katanya.

13 September 2009 (Ahad)

250 persatuan di PTA diaudit tahap keaktifan

KUALA LUMPUR: Semua 250 persatuan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara akan diaudit tahap keaktifan mereka bagi menilai semula pembabitan mahasiswa dalam menjalankan aktiviti, sebaik saja semester kedua bermula Disember ini. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata pendekatan baru itu bertujuan menambah nilai dalam hala tuju pembangunan mahasiswa dengan menumpukan kepada aktiviti sukarela. Katanya, persatuan itu akan dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu aktif, sederhana dan tidak aktif. Persatuan yang aktif akan dibantu supaya lebih menyerlah dan banyak terbabit dalam program pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau berkata, bagi persatuan yang sederhana dan tidak aktif, kementerian akan mengenal pasti bentuk bantuan yang diperlukan supaya prestasi mereka ditingkatkan. "Ini tidak bermakna kita akan bubarkan persatuan tidak aktif, cuma untuk memperkasakan kegiatan mereka. "Ada persatuan sudah berusia lebih 30 tahun, mempunyai ramai ahli sejajar dengan usia penubuhan universiti berkenaan, tetapi masih di takuk lama, iaitu cuma menjalankan aktiviti setempat saja. "Mereka perlu dibantu ke peringkat lebih tinggi, contohnya menyertai program sukarela peringkat antarabangsa seperti program kemanusiaan anjuran Yayasan Salam, membantu mangsa gempa bumi dan tsunami," katanya.

Pada sidang media di Sri Pentas, semalam. Sebelum itu beliau meluangkan masa kira-kira sejam menghadiri program 'Kacau Dodol Amal' anjuran Media Prima Bhd, Yayasan Salam Malaysia dan Warisan Global. Turut hadir pada sidang media itu ialah Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima, Datuk Ahmad Talib; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan, Rakan Program Minggu Keusahawanan Global (GEW) daripada Alpha Catalyst Consulting, Azim Pawanchik dan Ketua Pembangunan Belia dan Projek Khas Warisan Global, Zuraida Abdul Manan.

Ditanya sama ada pembabitan dalam aktiviti itu akan diambil kira dalam pencapaian akademik, Saifuddin berkata, perkara itu perlu penelitian tetapi nilai kesukarelawan memang termasuk dalam senarai lapan teras kokurikulum IPT. "Kita perlu suntik fasa baru kesukarelawan dalam kampus dan ia mestilah ada impak yang kuat. Mahasiswa bukan saja mesti bagus dalam akademik tetapi sahsiah diri. Di negara maju, perkara ini sudah lama diamalkan bahkan ada pelajar yang mengambil cuti semata-mata mahu menyertai program sukarela. "Di negara ini, itu memang dibenarkan tetapi tidak popular," katanya.

Pada sidang media sama, Farid turut memberi cadangan kepada kementerian supaya mahasiswa yang berminat boleh menyertai program di bawah kendalian Media Prima termasuk menjadi sukarela program Bersamamu TV3. Saifuddin berkata, pihaknya sangat mengalukan sokongan seperti itu kerana yakin, mahasiswa sebenarnya cukup berminat dengan program yang mempunyai matlamat khusus.

"Jika kita ambil kira definisi aktif bagi mahasiswa, saya boleh katakan 100 peratus adalah aktif, tetapi itu termasuk dalam program yang wajib. Kita perlukan program sukarela termasuk kerja profesional. "Misalnya pelajar perubatan secara sukarela berkhidmat selama dua jam seminggu di mana-mana pusat rawatan. Itu sebenarnya sangat praktikal. Begitu juga jika pelajar perakaunan sanggup masuk kampung membantu peniaga kecil runcit menyediakan sistem akaun," katanya.

13 September 2009 (Ahad)

Pasport mampu milik

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar ctfa@bharian.com.my

BUKIT KAYU HITAM: Mulai 1 Oktober ini, semua bakal haji dan umrah, ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka ke luar negara melanjutkan pelajaran serta peserta lawatan sambil belajar ke negara asing boleh memohon Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) Alternatif mampu milik dengan bayaran RM100. Pasport baru dengan 32 muka surat itu mempunyai tempoh sah laku selama dua tahun, berbanding yang ada ketika ini iaitu 32 muka surat dan 64 muka surat, masing-masing berharga RM300 dan RM600 untuk tempoh sah laku lima tahun. Mengumumkannya di sini, semalam, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata PMA Alternatif itu bertujuan meringankan beban rakyat, terutama mereka yang menggunakan pasport bagi satu tujuan saja, terutama jemaah haji atau mereka yang kurang kerap menggunakan pasport.

PMA Alternatif berkonsepkan kos lebih rendah dan mampu milik akan menjadi pilihan tambahan kepada kategori pasport sedia ada. "Berdasarkan maklum balas rakyat, KDN berdasarkan kadar RM300 dan RM600 agak tinggi terutama bagi mereka yang menggunakan pasport untuk satu tujuan khusus atau kadar penggunaan yang tidak kerap. Ada banyak kes warga negara hanya memerlukan pasport untuk sekali kegunaan, termasuk untuk mengerjakan ibadat umrah, lawatan sambil belajar ke luar negara atau ibu bapa yang mahu menghantar anak melanjutkan pengajian ke luar negara," katanya pada majlis berbuka puasa di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, keputusan kerajaan memperkenalkan PMA Alternatif adalah sebagai lanjutan daripada keputusan kerajaan memperkenalkan pasport antarabangsa untuk jemaah haji bagi memenuhi peraturan Kerajaan Arab Saudi mewajibkan jemaah memiliki pasport antarabangsa. Selain itu, katanya, pelaksanaan konsep penerbangan tambang murah dan pakej pelancongan berpatutan juga membolehkan ramai rakyat negara ini memilih untuk bercuti ke luar negara yang mana kos pasport, masing-masing RM300 dan RM600 sebelum ini membebangkan mereka.

14 September 2009 (Isnin)

Sabah&Sarawak: Tendre lewat punca projek gagal

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

Birokrasi menyebabkan beberapa projek dalam RMK-9 tidak dapat dimulakan

PUTATAN: Kelewatan pengeluaran dan penganugerahan tender kepada kontraktor dikenal pasti sebagai antara punca kegagalan sebahagian projek pembangunan yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin, berkata masalah birokrasi itu menyebabkan beberapa projek yang sepatutnya sudah dilaksanakan gagal dimulakan sedangkan tempoh RMK-9 semakin hampir ke penghujungnya.

Katanya, kerajaan negeri tidak dapat mengatasi masalah itu kerana projek terbabit dibiayai dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. "Antara projek yang dikenal pasti menghadapi masalah ini ialah projek jelapang padi bernilai RM72 juta di Kota Belud. Hingga sekarang projek itu belum dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Pusat lambat menyelesaikan masalah tender kepada kontraktor. "Keadaan ini secara tidak langsung menjaskan pencapaian keseluruhan pelaksanaan projek pembangunan yang peruntukannya disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Aidilfitri kepada kira-kira 500 anak yatim, orang tua dan golongan miskin bagi daerah Putatan di sini, kelmarin. Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, berkata setakat ini hanya 70 peratus projek yang tersenarai dalam RMK-9 berjaya dilaksanakan oleh kementeriannya. Selebihnya, katanya, dikesan mengalami kegagalan atau belum ada laporan dihantar kepada kementerian oleh agensi atau jabatan yang bertanggungjawab melaksana dan memantau projek pembangunan terbabit.

"Mungkin hujung tahun ini kita akan dapat lihat peratusnya lebih tinggi iaitu selepas menyemak semua laporan projek pembangunan RMK-9 yang dilaksanakan semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri. "Bagi projek yang gagal dilaksanakan seperti jelapang padi Kota Belud, kita berharap ia dapat diteruskan juga kerana pelaksanaannya penting bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan di negeri ini. "Projek peningkatan pengeluaran padi perlu diberi perhatian kerana ketika ini pengeluaran tempatan hanya kira-kira 30 peratus daripada keperluan rakyat di negeri ini. Jika tidak ditingkatkan, kita terpaksa terus bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan pelaksanaan projek yang mengalami kegagalan dapat diteruskan, pihaknya berharap kerajaan Pusat dapat mengatasi masalah birokrasi yang berlaku dalam proses tender. Katanya, jika proses itu dapat dipermudah dan dipercepatkan, masalah kelewatan atau kegagalan sesuatu projek dapat diatasi.

"Kita berharap pada masa depan masalah seperti ini tidak lagi timbul kerana ia boleh menjelaskan usaha kita meningkatkan pengeluaran bahan makanan di negeri ini." Pada masa sama, katanya, pihaknya juga berharap masalah lain yang menjelaskan pelaksanaan projek pembangunan pertanian di negeri ini dapat diatasi dengan segera.

14 September 2009 (Isnin)

Melaka&Negeri Sembilan: Tanah bukit dikitar semula

Oleh Nasir Abd Wahab anasir@bharian.com.my

Kerajaan negeri sedia gudang khas untuk kegunaan projek akan datang

MELAKA: Selama ini, banyak tanah bukit berharga di negeri ini dipercayai 'hilang' begitu saja apabila pemaju projek yang membangunkan sesuatu kawasan memunggahnya keluar tanpa membayar wang permit kepada kerajaan. Amalan kontraktor yang lazimnya membuang atau menjual semula tanah milik kerajaan itu kini dihentikan apabila Ketua Menteri, Datuk seri Mohd Ali Rustam campur tangan dan mahu sistem itu diubah. "Setiap lori yang membawa keluar tanah dari tapak sesuatu projek mesti ada permit dan tanah berkenaan mestilah disimpan di dua kawasan milik kerajaan tanpa dikenakan sebarang bayaran," katanya.

Justeru beliau mengarahkan tanah bukit yang diratakan atau tanah biasa di negeri ini disimpan sebagai stok kerajaan di dua lokasi iaitu di tanah lapang di belakang Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dan Kampung Tun Razak di Ayer Keroh. "Kita perlu simpan tanah ini untuk kegunaan projek akan datang, ia tidak boleh dibuang begitu saja, saya mahu setiap pegawai kerajaan negeri yang terbabit dalam projek pembangunan melaksanakannya mulai hari ini," katanya.

Beliau berkata, amalan sebelumnya didapati merugikan kerajaan dan membazir apabila terpaksa berbelanja untuk membeli tanah untuk menambah sesbuah kawasan pembangunan yang memerlukan tanah berkenaan. Selain tanah dan batu batan, Mohd Ali juga mahu agensi kerajaan terbabit mewujudkan sebuah gudang khas seperti milik sebuah syarikat swasta di Bukit Rambai yang khusus untuk menyimpan papan dan kayu dari bangunan lama yang diruntuhkan. "Menerusi amalan kitar semula bahan buangan ini, kerajaan banyak menjimatkan wang kerana jika ia tersimpan di satu kawasan, mudah untuk kita dapat bahan itu semula pada bila-bila masa," katanya.

16 September 2009 (Rabu)

Pertukaran kakitangan GLC, kerajaan dilancar

Oleh Johari Ibrahim dan Azli Ayob bhbiz@bharian.com.my

Program perkukuh kecekapan sektor awam, swasta

DATUK Seri Najib Razak semalam melancarkan kumpulan pertama di bawah Program Pertukaran Penempatan antara Perkhidmatan Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) ke arah mempercepatkan pembangunan barisan pengurusan sektor awam dan GLC. Perdana Menteri berkata, pelancaran program itu menandakan permulaan kepada kerjasama lebih erat antara sektor awam dan swasta bertujuan melahirkan pemimpin GLC yang mempunyai kefahaman yang baik mengenai operasi kerajaan.

Beliau berkata, program itu juga dilihat dapat mempercepatkan pembangunan kakitangan kerajaan peringkat pengurusan yang mahir dalam perniagaan dengan menyediakan mereka skop pengalaman yang lebih meluas dalam sektor swasta. "Program pertukaran kakitangan ini juga dijangka dapat mengukuhkan lagi kecekapan dan sifat serba-boleh kedua-dua kakitangan kerajaan dan swasta," katanya ketika melancarkan program itu di Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

Ia dilancarkan sempena mesyuarat ke-20 Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC. Kumpulan pertama di bawah program itu membabitkan 40 pegawai peringkat pengurusan dari sektor awam, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Turut hadir pada majlis semalam ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; pegawai kanan Kementerian Kewangan, pemimpin syarikat GLIC dan pemimpin 20 kumpulan GLC terbesar (G-20).

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata pelancaran program itu sejahtera aspirasi negara untuk memajukan satu sistem yang boleh membawa kepada penghasilan pemimpin korporat dan masyarakat yang bermutu untuk membawa negara ke tahap pencapaian lebih tinggi. "Kita pada dasarnya berada pada persimpangan untuk mengubah diri kita untuk menjadi sebuah ekonomi yang matang dan menjadi negara berdasarkan pengetahuan dan inovatif. "Jadi kenapa tidak kita terbabit dalam program pertukaran ini yang akhirnya akan menghasilkan pemimpin masa depan yang bermutu," katanya.

Pada peringkat awal, peserta terbabit dalam program itu akan ditugaskan di lokasi terpilih untuk tempoh dua tahun. Pegawai peringkat pengurusan dalam kumpulan pertama program itu ialah dari Khazanah Nasional Bhd dan Lembaga Tabung Haji serta lima GLC ialah Penerbangan Malaysia (MAS), Malaysia Airports Holdings Bhd, Proton Holdings Bhd, Pos Malaysia Bhd, Telekom Malaysia dan UEM Group Bhd. Program itu adalah lanjutan kepada program pertukaran kakitangan antara GLC dengan GLC yang dilancarkan awal tahun ini sebagai sebahagian daripada program transformasi GLC.

Sejak program transformasi itu dilancarkan pada 2004, permodalan pasaran G-20 sudah meningkat 64 peratus atau RM101 bilion, manakala pulangan kepada pemegang saham terus mengatasi pulangan FBMKLCI dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 2.4 peratus. Pendapatan G-20 bagi tahun kewangan 2010 pula dijangka meningkat kepada RM15.243 bilion.

17 September 2009 (Khamis)

Rencana - Ekuinas mampu perkasa ekonomi Bumiputera

Oleh Ahmad Farizal Hajat

KEBANYAKAN daripada masyarakat khususnya usahawan dalam dan luar negara sudah tahu kewujudan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), sebuah dana ekuiti persendirian yang bermatlamat menjamin pembabitan Bumiputera secara sama rata, berterusan dan berkesan menerusi aktiviti perniagaan yang telus dan mesra. Namun, di sebalik penubuhan tabung yang boleh diibaratkan sebagai 'kekasih' (darling) kepada usahawan Bumiputera itu, terdengar juga suara sumbang sesetengah pihak yang tidak berpuas hati dengan corak aktivitinya.

Antara suara sinis yang diluahkan termasuk kononnya Ekuinas yang bakal memulakan kegiatan membiayai penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi korporat dalam masa enam bulan dari sekarang, ditubuhkan kerajaan untuk menolong kroninya, sekali gus menguntungkan segelintir pihak. Biasalah, semua benda baru memang menggoda pelbagai komen, khususnya daripada golongan berhaluan kiri yang boleh dikategorikan sebagai berfikiran sempit.

Namun hakikatnya, sesuatu benda jika mahu berjaya wajib berdepan cabaran, tidak terkecuali Ekuinas. Sebenarnya, Ekuinas ditubuhkan khusus bagi memastikan penyertaan lebih bermakna dan berkesan Bumiputera dalam perniagaan. Rasionalnya ialah mengimbangi pelonggaran garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang menggugurkan syarat pemilikan Bumiputera dalam beberapa sektor ekonomi.

Liberalisasi garis panduan FIC itu dibuat berikutan inisiatif yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), gagal meningkatkan pembabitan ekuiti Bumiputera. Walaupun peraturan FIC yang pada awal kewujudannya memihak kepada Bumiputera, akhirnya ia dilihat gagal memberi kelebihan kepada kaum itu.

FIC yang sebelum ini ditugaskan membantu agenda ekonomi Bumiputera dengan memastikan 30 peratus saham terbitan awam syarikat yang hendak disenarai di Bursa Malaysia, dikhaskan untuk Bumiputera, entah bagaimana, gagal berbuat demikian walaupun diberi masa yang begitu panjang.

Bayangkan, dalam dua dekad lalu, pegangan ekuiti Bumiputera di syarikat awam masih pada tahap 19 peratus, manakala pegangan asing meningkat dengan begitu ketara dan kini menghampiri 30 peratus. Justeru, Ekuinas diharap mampu memperkasakan kembali pembabitan ekonomi Bumiputera dan pada masa sama, membina perkongsian tulen di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera, sekali gus memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat serta ekonomi negara.

Ekuinas ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah agensi amanah Bumiputera. Ia diberi mandat mengurus portfolio pelaburan sendiri manakala sebahagian daripada dana akan disalurkan untuk diuruskan oleh firma pelaburan ekuiti swasta yang cekap. Bagaimanapun, persoalan sering ditimbulkan ialah apa relevan pelonggaran garis panduan FIC dengan pertumbuhan ekonomi negara. Juga apa jaminan Ekuinas boleh membantu Bumiputera berjaya kerana pelbagai rancangan, pelan, subsidi dan bantuan disediakan sebelum ini. Begitu juga dengan isu ketirisan, serta pelbagai masalah sampingan lain. Apakah Ekuinas mampu mengatasinya?

Sebenarnya, penubuhan Ekuinas dilihat sebagai unik kerana ia memberi nafas baru kepada Bumiputera mencapai sasaran pegangan ekuiti yang seimbang bersama kaum lain. Menerusi tabung yang akan mengurus dana permulaan RM500 juta dan kemudian ditingkatkan sehingga RM10 bilion kerajaan menetapkan sasaran jelas mewujudkan generasi baru usahawan Bumiputera yang mampu menggalas cabaran dengan memiliki dan mengurus syarikat mereka sendiri, sama ada persendirian atau disenaraikan di Bursa Malaysia.

Dalam erti kata lain, Ekuinas, yang akan membuat purata pelaburan dalam sesebuah syarikat iaitu kira-kira RM50 juta dengan tempoh antara lima hingga tujuh tahun dan menjadi rakan kongsi cergas kepada seseorang usahawan Bumiputera, boleh membantu syarikat terbabit. Ini khususnya yang bersaiz sederhana dengan membekalkan modal institusi dan kemahiran pengurusan mengembangkan perniagaan seterusnya menjadi peneraju pasaran dalam tempoh lima tahun. Oleh itu, sebarang unsur pengagihankekayaan adalah dalam bentuk penyertaan terus Bumiputera dalam sesuatu projek atau aktiviti ekonomi yang disertai menerusi pembiayaan dan bimbingan Ekuinas.

Pemilihan usahawan Bumiputera pula dibuat berdasarkan meritokrasi bagi mengurus syarikat yang dipilih untuk pelaburan, manakala pegangan saham pula boleh kekal dalam jangka masa panjang. Faedah yang diperoleh kesan penguasaan ekuiti ini tentunya melangkaui peluang pekerjaan dan pengembangan perniagaan, tetapi juga mewujudkan usahawan tulen.